

Inventori Badan-Badan Kebudayaan dan Kesenian di Malaysia

ROOSFA HASHIM

ABSTRAK

Makalah ini adalah hasil penyelidikan peringkat awal untuk membina pengkalan-data badan-badan kebudayaan/kesenian dengan mengadakan inventori mengenai badan-badan kebudayaan/kesenian di Malaysia. Penyelidikan ini ditaja oleh Kementerian Penyiaran, Komuniti dan Kebudayaan (KPKK, dulunya KeKKWa) di bawah projek *Culture 360: Asian Mapping Exercise Cultural Resource Mapping for Malaysia*. Tujuan akhir projek ini adalah untuk menyediakan pengkalan-data mengenai badan-badan kebudayaan/kesenian supaya dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak. Makalah ini memberi tumpuan terhadap usaha mengesan dan mendokumentasikan badan-badan kebudayaan/kesenian di Malaysia. Maklumat dalam makalah ini adalah hasil kajian rapi selama tujuh bulan, dari Disember 2004–Jun 2005, melalui talian internet. Hasil kajian ini ialah dapat menghimpunkan sebahagian daripada badan-badan kebudayaan/kesenian utama ke dalam suatu *perumah* yang akan ditetapkan oleh Kementerian berkenaan.

Kata kunci: badan kebudayaan/kesenian, inventori, pemetaan budaya, internet dan bahasa.

ABSTRACT

This paper is the result of preliminary research in the process of building data-base through setting-up an inventory of cultural/art agencies in Malaysia. This research was sponsored by the Minister of Broadcasting, Communication and Cultural under the *Cultural 360: Asian Mapping Exercise Cultural Resource Mapping for Malaysia* project. The ultimate goal of this project was to provide data-base of cultural/art agencies for the benefits of parties. The paper focuses on the identification and documentation of cultural/art agencies in Malaysia. The information was collected from seven months investigation from December 2004-June 2005 through the internet. The outcome of this research was a collection of major cultural/art agencies in the *house* that had been set-up by the Ministry.

Key words: cultural/art bodies, inventory, cultural mapping, internet and language.

Pengenalan

Salah satu masalah dalam pengembangan kebudayaan/kesenian di Malaysia ialah kesukaran mendapatkan maklumat tentang badan-badan penggiat kebudayaan/kesenian. Kesukaran mendapat maklumat tersebut menimbulkan beberapa implikasi. Selain daripada sukar untuk mendapatkan kumpulan berkenaan apabila sesuatu pihak ingin mengadakan sesuatu acara, timbul tanggapan seolah-olah negara ini tidak mempunyai badan kebudayaan/kesenian walaupun pada hakikat adalah sebaliknya. Mana-mana pihak boleh mendapatkannya daripada pelbagai laman web rasmi dan tidak rasmi, malah melalui blog, akhbar dan majalah dalam atas talian.

sudah terdapat beberapa pihak yang berusaha mendokumentasikan maklumat mengenai badan-badan kebudayaan/kesenian di negara ini seperti, antaranya, KPKK (Kementerian Penyiaran, Komunikasi dan Kebudayaan) telah mengumpul dan mengadakan *Inventory NGO Budaya* sejak tahun 2005 hingga kini. Inventri tersebut telah mengumpul sejumlah maklumat mengenai badan-badan kebudayaan/kesenian di negara ini meliputi nama, alamat dan jenis persembahan badan-badan tersebut.

Selain itu, terdapat laman web beberapa agensi kerajaan dan bukan-kerajaan yang menyediakan senarai mengenai badan-badan tersebut termasuk dalam web. Pihak-pihak yang mengadakan tindakan untuk mengumpul maklumat kebudayaan/kesenian dan tahun penubuhan badan-badan tersebut adalah seperti berikut: institusi pengajian tinggi (IPT), Akademi Seni Kebangsaan (2008), Arkib Negara Malaysia (2008), Balai Seni Lukis Negara (2008), Jabatan Muzium Malaysia (2008), Dewan Bahasa dan Pustaka (2008), Filem Negara Malaysia (2008), GAPENA (2008), Istana Budaya (2008), KEKWA (2005), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (2008), Perpustakaan Negara Malaysia (2008), PENA (2008), Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (2008) dan Persatuan Seniman Malaysia (2008).

Sungguhpun begitu, senarai badan-badan kebudayaan/kesenian di Malaysia masih belum memadai untuk dimanfaatkan oleh pihak-pihak para pengkaji dan pelbagai pihak yang memerlukan maklumat berkaitan dengan seni budaya Malaysia. Justeru, pada tahun 2006 pihak Asia-Europe Foundation (ASEF) telah mempromosikan perkembangan *Culture 360*, suatu projek pembinaan jaringan maklumat pelbagai bidang kebudayaan berasaskan portal-web. Selepas melakukan kajian rapi selama tujuh bulan (Disember 2004 – Jun 2005), ASEF berpendapat

projek ini berdaya maju dan memerlukan sokongan maklumat daripada komuniti Asia. Sehubungan itu, wajarlah individu atau pihak dari Malaysia turut serta dengan menyumbangkan maklumat kepada ASEF. Salah satu sebabnya ialah agar wajah budaya kita tidak tenggelam daripada pemetaan kebudayaan di Asia.

Pada era ini mana-mana pihak boleh saja mendapat maklumat mengenai badan-badan kebudayaan/kesenian melalui internet. Dengan hanya menaipkan maklumat yang dikehendaki dalam mana-mana *search engine* maka sesuatu pihak itu dapat memperoleh maklumat yang dikehendaki. Walau bagaimanapun, adakah badan-badan kebudayaan/kesenian yang diperoleh melalui internet itu mereka badan-badan yang berwibawa?

Makalah ini berusaha menyenaraikan badan-badan kebudayaan/kesenian yang berwibawa di Malaysia sehingga tahun 2010 ini. Satu analisis tentang penggunaan bahasa juga akan turut disentuh. Ini kerana para peminat dan pengkaji terhadap kebudayaan/kesenian Malaysia adalah terdiri daripada pelbagai bangsa di seluruh dunia.

Senario

Seperti telah dinyatakan terdapat pelbagai bahan tentang kebudayaan Asia dalam pelbagai bentuk di Internet (laman web rasmi dan tidak rasmi, forum perbincangan, komuniti budaya, blog, akhbar dan majalah dalam talian). Di samping itu, bahan-bahan tersebut juga terdiri daripada pelbagai media Teknologi Maklumat (IT) yang lain seperti pengkalan data maklumat, perpustakaan digital, elektronik dan maya dan sebagainya. Jumlah sebenar laman-laman ini, kategori dan cirinya, kandungannya, penggunaan bahasa dan pelbagai aspek lain yang bersangkutan dengannya tidak diketahui dan belum pernah dipantau serta dipetakan. Setakat ini yang ada hanyalah senarai pelbagai laman web mengikut negara yang dapatlah dianggap sama tarafnya dengan direktori *Yellow Pages* atau buku panduan telefon yang lain. Senarai seperti ini tidak memadai dan tidak membantu kerana tidak turut mengelaskan bahan mengikut kategori, malah, kabur pula dari segi isi atau *substance*.

Kajian ini membantu ASEF menjejaki, mengumpul, mengelaskan, memautkan sumber-sumber kebudayaan Asia khususnya daripada 13 anggota ASEM.¹ Kajian ini memberi tumpuan khas terhadap usaha mengesan dan mendokumentasikan badan-badan kebudayaan di Malaysia. Usaha memetakan laman-laman ini dijalankan adalah

menghimpunkan kesemua badan berkaitan dengan budaya Malaysia ke dalam suatu perumah yang ditetapkan.

Pemetaan di sini bermaksud mengkaji, mencari, memilih dan mendokumentasikan sumber-sumber kebudayaan yang berada secara dalam talian dan di luar talian (laman web, portal web, blog, komuniti dan forum, akhbar, majalah, jurnal dan sebagainya) tetapi tidak melibatkan kerja-kerja membina bahan atau laman baru sumber kebudayaan untuk dimasukkan dalam pendokumentasian ini.

Kajian ini bertujuan mewujudkan suatu jaringan berstruktur yang memberi panduan dalam pencarian sumber dan bahan-bahan kebudayaan Malaysia dalam Internet mahupun sebarang bentuk media IT yang lain di luar Internet. Kerja-kerja pemetaan akan mengaudit iaitu mencari, memilih dan menyenaraikan sumber dan bahan kebudayaan Malaysia berdasarkan perkara-perkara berikut:

Pergerakan artis bermaksud peraturan dan kemudahan yang berkaitan dengan perjalanan dan pergerakan artis, kemudahan semasa perjalanan, sumber dan bantuan kewangan serta institusi yang berkaitan. Pendidikan seni merujuk kepada peluang-peluang pendidikan dan latihan, institusi latihan dan pendidikan seni dan budaya, universiti dan kolej formal yang terakreditasi dan pengajaran tidak formal (pusat latihan tradisional, latihan seni yang dibangunkan oleh masyarakat, latihan seni di kampung dan perdesaan).

Pengumpulan Maklumat

Kajian ini dilakukan dengan kerja-kerja awal pada Ogos 2008. Kerja ini bermula dengan menyemak dan mengenal pasti dan menyenaraikan badan-badan yang berkaitan dengan kegiatan kebudayaan, seni dan warisan. Semakan dibuat dengan menyemak buku, direktori, manual dan bahan-bahan lain termasuklah buku Senarai dan Maklumat NGO SENI BUDAYA 2005.

Langkah seterusnya, pada September 2009 kajian ini dilanjutkan ke internet. Pencarian diasaskan kepada nama institusi, jabatan, persatuan dan NGO yang berdaftar; nama tokoh dan individu yang dianggap sebagai aktivis seni budaya; serta menggunakan kalimat dan istilah yang berkaitan dengan seni budaya. Pencarian dimulakan dengan menggunakan senarai 1,603 NGO seni budaya yang dapat dikesan daripada bahan bercetak. Nama NGO yang tersenarai dalam buku dan direktori yang digunakan telah dicari menggunakan enjin pencarian dalam Internet. Selain itu nama

bagi seramai 237, 205 orang aktivis seni budaya juga digunakan dalam pencarian.

Pencarian juga diasaskan kepada entri *Kamus Dewan* yang berkaitan dengan budaya, seni dan warisan Malaysia. Pencarian menggunakan enjin pencarian googles dengan kaedah advance search dan boolean search. Pencarian ini berusaha mengesan kewujudan apa juga bentuk maklumat berasaskan budaya Malaysia dalam internet sama ada salam bahasa Melayu atau bahasa asing.

Penerbitan laman web institusi dan organisasi, akhbar dan majalah dalam talian, serta blog telah dikesan dan dianalisis dengan mengelompokkan bahan-bahan ini mengikut kumpulan masing-masing. Kandungannya dianalisis berdasarkan kandungan dan subjek yang diketengahkan serta bahasa yang digunakan, sama ada bahasa Melayu sepenuhnya, dwi bahahasa atau lebih bahasa atau penggunaan apa juga bahasa bagi menarik pembaca semua bangsa di dunia.

Analisis

Beberapa perkara telah dapat dikesan dalam kajian ini, meliputi status penampilan sumber seni budaya Malaysia dalam internet yang muncul dalam laman web, blog, akhbar dan majalah dalam talian; bahasa yang digunakan; kewujudan bahan dalam bahasa asing tentang seni budaya Malaysia; peratusannya mengikut bahasa, ketepatan maksudnya dan masalah serta kesan yang timbul terhadap pengguna yang memerlukan maklumat tentang budaya Malaysia.

Jumlah bahan

Kajian ini telah berjaya mengesan sejumlah 123 sumber dalam Internet yang menguar-uarkan serta sedikit sebanyak mempromosikan pelbagai aspek budaya di Malaysia. (Senarai penuh laman budaya yang dikesan ini terdapat dalam lampiran pada hujung kertas ini). Sungguh pun demikian adalah disedari masih terdapat banyak laman yang tidak dapat dikesan dan usaha mengesan ini mestilah diteruskan. Pecahan bahan yang dikumpulkan ini mengikut peratusan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 21.1.

Jadual 21.1 Monopoli galeri seni lukis, serta pelbagai institusi seni budaya awam dan swasta di negara ini di Internet

Aspek budaya	Jumlah laman
Galeri Seni lukis	35
Institusi seni budaya awam dan swasta	18
Muzik, orchestra, koir	8
Drama, studio drama Penulis, sasterawan	88
Silat	7
Etnik	7
Muzium	6
Individu	6
Kelab, persatuan (pelbagai)	5
Perpustakaan, arkib	4
Tarian	3
Buletin, majalah dlm talian (pelbagai)	3
Fotografi, filem	2
Seni bina	1
JUMLAH	123

Jadual 21.1 memperlihatkan monopoli galeri seni lukis, serta pelbagai institusi seni budaya awam dan swasta di negara ini di Internet. Selain itu pelbagai kumpulan muzik, koir dan orkestra juga mempunyai penampilan yang baik di internet (8%). Kalangan penulis dan sasterawan serta penggiat drama juga telah memperlihatkan komitmen masing-masing dengan jumlah 8 peratus. Golongan selebihnya dibentangkan dalam jadual tersebut.

Perbandingan jumlah laman web yang dibangunkan oleh pelbagai institusi awam dengan yang dibina oleh pihak swasta menunjukkan bahawa jumlah yang besar (76.4%) dibina oleh pihak bukan kerajaan. Ini suatu penemuan yang baik juga diketengahkan agar pelbagai institusi awam – kementerian dan jabatan kerajaan yang berkaitan mempergiat usaha memperkenalkan budaya dan seni tempatan ke peringkat antarabangsa menerusi internet. Usaha ini adalah penting memandangkan pihak kerajaan mempunyai kemampuan kewangan yang cukup kuat dan besar bagi menangani usaha ini. Pihak kerajaan juga mempunyai tenaga yang besar selain telah menggubal pelbagai dasar bagi mempromosi seni budaya tempatan ke mata dunia.

JADUAL 21.2. Kedudukan laman budaya oleh pihak awam dan swasta di Internet

Pemilik	Jumlah
Kerajaan, awam,	29
Bukan kerajaan	94

Penggunaan Bahasa

Kedudukan laman yang memaparkan bahan dalam bahasa Melayu, dalam dwibahasa Melayu-Inggeris dan Inggeris dipaparkan dalam Jadual 21.3. Jadual ini memperlihatkan bahawa kebanyakan laman, blog dan terbitan berkala dalam internet yang memaparkan bahan budaya Malaysia adalah dalam bahasa Melayu (57%) diikuti bahan dalam dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris (27%) dan bahan yang sepenuhnya dalam bahasa Inggeris (14%) dan bahasa-bahasa lain dalam 2%.

JADUAL 21.3. Kedudukan bahasa dalam laman-laman web budaya

Bahasa	Peratusan
Melayu	57
Dwibahasa	27
Inggeris	14
Bahasa lain	2

Kebanyakan bahan budaya Malaysia di Internet adalah dalam bahasa Melayu. Ini kerana laman-laman tersebut dibina oleh ahli persatuan atau badan tertentu untuk sasaran ahli dan anggota masing-masing, bukan untuk sasaran pembaca antarabangsa. Demikian juga walaupun terdapat sejumlah laman dalam bahasa Inggeris sepenuhnya, bukanlah ditujukan khusus untuk pengkaji atau pelancong luar negara. Bahasa lain itu termasuklah pecahan bahasa Arab, Jepun dan Korea serta bahasa-bahasa lain.

Mutu bahan-bahan terjemahan juga berada pada tahap yang rendah. Pertama, bahan yang diterjemah bukanlah bahan yang dikehendaki oleh pengkaji dan peminat budaya Malaysia dari luar negara. Bahan-bahan yang diterjemah mengenai struktur organisasi kementerian dan jabatan

berkenaan, arahan dan peraturan di organisasi tersebut bukanlah sesuatu yang diperlukan. Sebaliknya bahan-bahan langsung mengenai permainan rakyat, tarian rakyat, lagu rakyat, makanan dan busana tempatan boleh dikatakan kebanyakannya belum lagi diterjemahkan sepenuhnya. Kedua, bahan-bahan ini tidak diterjemah oleh pakar dalam bidang penterjemahan sehinggakan kita dapat menemui kelemahan yang menjolok.

Masalah Kepada Pengguna

Beberapa masalah dapat dikesan dalam bahan-bahan tentang budaya Malaysia dalam Internet. Pertama, kurangnya bahan dalam bahasa asing bagi memudahkan peminat, pengkaji dan pelancong yang inginkan maklumat dalam bahasa mereka. Jika Malayssia mahu menarik pelancong dari negara Arab, Jepun atau Korea, kemunculan bahan tentang seni budaya negara ini adalah terlalu kecil. Bahan yang ada pula dalam bentuk yang amat ringkas.

Kedua, kebanyakan sumber yang ada ini tidak dikemas kini bahkan dapatlah dianggap sudah lapuk. Kebanyakan perkembangan terkini serta maklumat semasa tentang kegiatan dalam tahun yang dikaji tidak ditampilkkan dengan lengkap. Bahkan ada laman yang telah beberapa tahun tidak dikemas kini.

Ketiga, agak sulit bagi mewujudkan jalinan antara sumber-sumber ini kerana tidak adanya suatu usaha ke arah tersebut. Kementerian yang berkenaan mestilah menjalankan usaha awal bagi mempautkan laman-laman ini.

Perbincangan

Kajian ini hanya mendokumentasikan laman, blog, e-forum, majalah berasaskan kesenian dan kebudayaan Malaysia di Internet yang mempunyai butir-butir yang lengkap. Sebahagian bahan-bahan ini tidak memaparkan alamat dan individu untuk perhubungan yang lengkap. Kebanyakan blog dan majalah maya (virtual magazine) tidak mempunyai alamat pihak yang membangunkannya.

Kajian ini juga tidak mendokumentasikan sebahagian besar laman, blog, e-forum seni dan budaya Malaysia yang tidak diselenggara dengan baik, tidak dikemas kini, tidak semasa dan terabai. Kebanyakan bahan yang dipaparkan adalah dalam bahasa Melayu termasuk nama institusi

yang berkenaan. Dengan keadaan ini bahan-bahan yang dipaparkan sukar difahami oleh pembaca iaitu peminat budaya asing dari luar negara.

Satu penemuan dalam kajian ini ialah terdapat banyaknya laman kebudayaan/kesenian Malaysia yang bukan sahaja gagal diterjemahkan ke dalam bahasa asing tetapi terbiar tanpa diselenggara dan tidak dikemas kini. Bahan yang dimasukkan dalam kajian ini juga hanyalah yang benar-benar dapat dianggap berkewibawa. Laman yang tidak mantap, bahasanya lemah, kandungannya tidak dikemas kini tidak dimasukkan.

Selain itu, bahan-bahan tentang budaya Malaysia di Internet berada dalam keadaan yang lemah – jumlahnya sedikit jika dibandingkan kekayaan pelbagai aspek seni budaya tanah air. Dapatlah dikatakan dengan status yang ada sekarang, kandungannya tidak mampu mengangkat dan menonjolkan seni dan budaya Malaysia. Kebanyakan bahan yang ditemui dalam kajian ini tidak dikemas kini bahkan terabai sebaik dilancarkan. Tambahan pula kebanyakan laman web ini tidak interaktif dan tidak dapat melayan pertanyaan pelbagai pihak yang ingin mendapatkan maklumat secara pantas dan lengkap mengenai seni dan budaya Malaysia.

Kesimpulan

Kajian ini menyimpulkan beberapa penemuan yang utama. Pertama, jumlah laman web, blog, akhbar dan majalah dalam talian mengenai seni budaya Malaysia adalah terlalu kecil berbanding bahan negara dan bangsa lain. Bahan-bahan ini juga terlalu kecil berbanding kekayaan seni budaya bangsa Malaysia sendiri. Kebanyakan aspek seni budaya yang penting di negara ini belum dibangunkan dengan baik di Internet.

Kedua, bahan budaya Malaysia di Internet belum diterjemahkan secukupnya untuk difahami oleh pelbagai pengkaji dan peminatnya di seluruh dunia. Kerja penterjemahan yang lebih agresif, serius dan bersungguh-sungguh perlulah diambil secepat mungkin. Usaha ini perlulah disokong dan diterajui oleh kementerian yang berkenaan.

Ketiga, bahan-bahan tentang budaya Malaysia di Internet berada dalam keadaan yang lemah – jumlahnya sedikit, kandungannya tidak mengangkat seni dan budaya Malaysia, tidak dikemas kini, tidak interaktif dan tidak dapat melayan pertanyaan pelbagai pihak yang ingin mendapatkan maklumat mengenai seni dan budaya Malaysia.

Nota

- ¹ ASEM adalah Asia-Europe Meeting yang dianggotai oleh Austria, Belgium, Brunei, Kambodia, China, Cyprus, Republik Czech, Denmark, Estonia, Finland, France, German, Greece, Hungary, Indonesia, Ireland, Itali, Jepun, Korea, Laos, Latvia, Lithuania, Luxembourg, Malaysia, Malta, Myanmar, Belanda, Filipina, Poland, Portugal, Singapura, Slovakia, Slovenia, Spanyol, Sweden, Thailand, United Kingdom dan Vietnam.

Rujukan

- Akademi Seni Kebangsaan. 2008.URL: <http://www.ask.edu.my/>
- Arkib Negara Malaysia (The National Archives Of Malaysia). 2008.URL: <http://www.arkib.gov.my>
- Asia-Europe Foundation. 2005. Cultural Partnership Mapping: The Development of a Multidisciplinary Asia-Europe Cultural Portal. Singapore: ASEF.
- Balai Seni Lukis Negara. 2008.URL: <http://www.artgallery.gov.my>
- Department of Museum Malaysia. 2008. URL: <http://www.jma.gov.my>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2008. URL: <http://www.dbp.gov.my>
- Filem Negara Malaysia. 2008. URL: <http://www.filemnegara.gov.my/>
- Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia GAPENA. 2008. URL: <http://www.ujanailmu.com.my/gapenaorganisasi.cfm>
- Istana Budaya. 2008.URL: <http://www.istanabudaya.gov.my/>
- KEKWA. 2005. Senarai & Maklumat NGO Seni Budaya 2005. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Kementerian Kebudayaan,Kesenian dan Warisan Malaysia. URL: <http://www.heritage.gov.my>
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. 2008.URL: <http://www.kraftangan.gov.my>
- Perpustakaan Negara Malaysia (National Library of Malaysia). 2008.URL: <http://www.pnm.my>
- Persatuan Penulis Nasional Malaysia PENA. 2008.URL: <http://penamalaysia.com/home.html>
- Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. 2008.URL:<http://silatcekak.org/index.html>
- Persatuan Seniman Malaysia. 2008.URL: <http://seniman.com.my./index.php>

Lampiran

Badan-badan Kebudayaan dalam Laman Web Budaya Malaysia

Persatuan Penulis Tumpat PESISIR

URL: http://www.geocities.com/pesisir_2000/dikenali.htm

Email: pesisir@softhome.net

Contact: Ediramale Ismail (Setiausaha 1)

Tel: 012-9032948

Alamat: No.100,Jln Perhentian KeretapiKg.Kok Pasir, Palebekang,Kelantan Darul Naim, Malaysia.

Lembaga Pembangun Sastera Perak LEPAS

URL:<http://www.freewebtown.com/lepasperak/>

Email: lepas_perak@fastmail.fm

Contact: Abd Rashid Ahmad Rafie (S/usaha 1)

Tel: 05-7762197/7584228/0125140228

Alamat: 92, Taman Sultan Yusuf Izzuddin Shah 33000,Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan. Malaysia.

Akademi Seni Kebangsaan

URL: <http://www.ask.edu.my/>

Email: info@ask.edu.my

Contact: Omar Awang (Pengaah)

Tel: 03-26971777

Fax: 03-26975513

Alamat: 464,Jln Tun Ismail Wilayah Persekutuan 50480, Kuala Lumpur Malaysia.

Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi Malaysia

URL: <http://www.cekakanafi.com/index.php>

Email: webmaster@cekakanafi.com

Contact: Ramlee Abdul Rahman (Setiausaha Agung)

Tel: 03-41493813

Fax: 03-41496134

Alamat: No. 16-2,Jln 3/27 F, Seksyen 2,Wangsa Maju 53300 Kuala Lumpur.

Persatuan Seni Silat Gayong Warisan Serantau Malaysia

URL: http://members.tripod.com/gayong_warisan/

Email: pssgwsn@hotmail.com

Contact: Badek Ruzaman Dato' Meor Rahman (Setiausaha Agung)

Tel: 04-7719178/04-7309428

Fax: 04-7331633

Alamat: No.12 64-A,Jln Kuala Kedah' 05400, Alor Setar, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Persatuan Silat Seni Gayong Pasak Melaka

URL: <http://www.geocities.com/ssgpasakmelaka/index.htm>

Email: amirulBahar2004@yahoo.com

Contact: Mohd Zainol Hj Mohd Zin (Peneraju)

Tel: 06-3878212/0162565284

Alamat: KM 44, Jln Hj Md Dali Kg Permatang Darat 78200, Kuala Sungai Baru, Melaka Bandar Bersejarah, Malaysia.

Istana Budaya

URL: <http://www.istanabudaya.gov.my/>

Email: info@istanabudaya.gov.my

Contact: Dato' Azhar Abu Bakar (Ketua Pengarah)

Tel: 03-40265500

Fax: 03-40254864

Alamat: Istana Budaya, Jln Tun Razak 50694, Kuala Lumpur, Malaysia

Balai Seni Lukis Negara

URL: <http://www.artgallery.gov.my>

Email: info@artgallery.gov.my

Contact: Y.Bhg Dr Wan Hashim Wan Teh (Pengarah)

Tel: 03-40254990

Fax: 03-40254987

Alamat: 2, Jln Temerloh, Off Jln Tun Razak 53200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia GAPENA

URL: <http://www.ujanailmu.com.my/gapenaorganisasi.cfm>

Email: melgape@pd.jaring.my

Contact: Tan Seri Pof Emeritus Dato' Dr Pandeta Hj. Ismail Hussein (Ketua 1)

Tel: 03-21442412

Fax: 03-21410340

Alamat: Rumah GAPENA JKR 734, Jln Dewan Bahasa 50460 Kuala Lumpur Malaysia.

Sabah Art Gallery

URL: <http://www.sabah.gov.my/artgalerry/>

Email: gallery9@msn.com

Contact: Abrin Hj Sabtari

Tel: 088-268798

Fax: 088-210040

Alamat: Jln Muzium, 88300 Kota Kinabalu, Sabah Malaysia.

Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia

URL: <http://silatcekak.org/index.html>

Email: penerangan@silatcekak.org

Contact: Roslin Ali Omar (Ketua Pengurusan)

Tel: 03-26912327/03-40458564

Alamat: 708-3, Tingkat 4, Bangunan Silat Cekak, Lot 138, Seksyen 79, Jln Sentul 51000, Kuala Lumpur, Malaysia.

Persatuan Seni Silat Warisan Negeri Perlis

URL: <http://www.silatwaisan.com/index.htm>

Email: mazlin@silatwaisan.com

Contact: Ustaz Mazlin Ahmad (Guru)

Tel: 04-9770498/019-4710541

Alamat: Pejabat dan Rumah Persatuan 123-A, Kg.Tebing, 01000, Kangar, Perlis Malaysia.

Kelab Sukan Rekreasi dan Kebajikan, Jabatan Kehakiman Malaysia KERMAH

URL: <http://www.sabah.org.my/kermah/>

Email: kermah@sabah.gov.my

Contact: YA.Datuk Richard Malanjum (Penaung)

Tel: 089-210069/210070

Fax: 089-210030

Alamat: P/S 51,90700 Sandakan, Sabah, Malaysia.

Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun KDCA

URL: <http://www.kdca.org.my/index.php>

Email: koisaan@kdca.org.my

Contact: Hongkod Koisan (Setiausaha)

Tel: 088-713696

Fax: 088-713350

Alamat: Km 7, Jln Penampang W.D.T. 39, 89509, Penampang, Sabah, Malaysia.

Persatuan Bisaya Bersatu Sabah PBBS

URL: <http://www.sabah.org.my/pbbs.ta/index.htm>

Email: pbbs.ta@sabah.org.my

Contact: Ariffin Hj.Rukot BSK (Pengerusi)

Tel: 088-259468

Alamat: PBBS Cawangan Tanjung Aru, W.D.T. No.39, 88858, Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Persatuan Kedayan Sabah KEDAYAN

URL: <http://geocities.com/kedayan2000/home.htm>

Email: asidik@hotmail.com

Contact: Made Sidik

Tel: 088-246548

Fax: 088-246552

Alamat: P.O.Box.218, 88856, Likas Sabah, Malaysia

Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak PKMS

URL: <http://www.pkms.org.my/main.htm>

Email: pkms@pkms.org.my

Contact: Hj. Wan Yusuf Datuk Patinggi Tuanku Hj. Bujang (Yang Dipertua)

Tel: 082-410315/082-424277

Fax: 082-247561

Alamat: PKMS (1939) Lot.209-211, Tingkat Dua & Tiga Jalan Hj. Taha, 93400 Kuching, Sarawak, Malaysia.

Dramalab

URL: <http://www.dramalab.com.my/index.html>

Email: info@dramalab.com.my

Contact: Lorna Tee (Setiausaha)

Tel: 03-77253802/0123966832

Fax: 03-77253802

Alamat: Dramalab Sdn. Bhd 27, Lorong Datuk Sulaiman 7, Taman Tun Dr. Ismail, 60000 Kuala Lumpur, Malaysia.

Pertubuhan Sasterawan Kaum India Malaysia (Kavyan)

URL: <http://www.kavyan.cjb.net/>

Email: info@kavyan.cjb.net

Contact: Uthaya Sankar SB (Pengerusi)

Email: uthaya@kavyan.cjb.net

Tel: 012-3368142

Alamat: 27, Jln 25/82- B, Taman Sri Muda, 40400 Shah Alam, Malaysia.

Majlis Gurulatih Negeri (MGN) Selangor & Wilayah Persekutuan

URL: <http://mgnswp.tripod.com/>

Email: mgnswp@yahoo.co.uk

Contact: Wan Erman Wan Emran (Setiausaha)

Tel: 019-3737731

Alamat: No. 15, Lorong K5, Kg. Pandan Dalam, 55100 Kuala Lumpur, Malaysia.

Persatuan Belia Thai Malaysia

URL: <http://www.beliathai.org.my/thai/>

Email: webmaster@beliathai.org.my

Contact: Mahit a/l See Nam (Peneraju)

Tel: 019-5697868

Fax: 04-2281703

Alamat: d/a No.3, Jalan Lata Bayu, Kg Asam Jawa, Mk Pulai, 09100, Baling, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Persatuan Penulis Nasional Malaysia PENA

URL: <http://penamalaysia.com/home.html>

Email: pena@streamyx.com
 Contact: Datuk Ismail Hussein (Pengerusi)
 Tel: 03-21425824
 Fax: 03-21425824
 Alamat: JKR 961-7, Jln. Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur, Malaysia.

Dewan Bahasa dan Pustaka
 URL: <http://www.dbp.gov.my>
 Email: webmaster@dbp.gov.my
 Email: firdausabdullah@dbp.gov.my
 Tel: 03-21481011/1797/03-21485656
 Alamat: Jln Dewabn Bahasa, P/S 50460 Kuala Lumpur, Malaysia,

Pusat Kebudayaan/kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Syah,UPM
 URL: <http://www.pkkssaas.upm.edu.my/>
 Email: pkkssaas_upm@yahoo.com.sg
 Contact: Mahfoor Harron (Pengarah)
 Tel: 03-89463727
 Fax: 03-89467328
 Alamat: Pusat Kebudayaan/kesenian, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Syah,
 Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Majlis Kebudayaan Selangor Darul Ehsan
 URL: <http://sukweb.selangor.gov.my/mkn/index.htm>
 Email: webmaster@selangor.gov.my
 Contact: Y.Bhg Dato' Abdul Samad Maharuddin (Pengeusi)
 Tel: 03-55118430/03-55103610
 Alamat: Tingkat 3,Jalan 7/52, Seksyen 7 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
 Malaysia.

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
 URL: <http://www.kraftangan.gov.my>
 Email: zakiah@kraftangan.gov.my
 Contact: Dato' Zakiah Ahmad (Director General)
 Tel: 03-21627459
 Fax: 03-21612622
 Alamat: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Kompleks Kraf Kuala
 Lumpur, Seksyen 63, Jalan Conlay, Kuala Lumpur.

Sutra Dance Theate Malaysia
 URL: <http://www.artsee.net/sutra/>
 Email: sutradancetheatre@yahoo.com
 Contact: Ramli Ibrahim (Pengerusi)
 Tel: 03-4211092

Fax: 03-4232548

Alamat: 12 Persiaran Titiwangsa 3, 53200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Valentine Wille Fine Art

URL: <http://www.artsasia.com.my>

Email: info@vwfa.net

Contact: Daniel Chong (Pengarah)

Email: Daniel@artsasia.com.my

Tel: 03-22842348

Fax: 03-22825190

Alamat: 1st Floor, 17 Jln Telawi 3, Bangsar Baru, 59100, Kuala Lumpur, Malaysia.

NN Gallery Sdn. Bhd

URL: <http://www.nngallery.com.my>

Contact: Sharifah Nor Akmar: Syed Nabil

Email: nora@nngallery.com.my; nabil@nngallery.com.my

Tel: 03-4270 6588

Fax: 03-4270 3357

Alamat: 53&56 Jln Sulaiman 1, Taman Ampang Hilir, 68000 Ampang, Kuala Lumpur, Malaysia.

Reka Art Space

URL: <http://www.reka-art.com>

Contact: Chee Sek Thim (Founded and Manages Reka Art Space)

Email: sekthim@reka-art.com

Tel: 03-78805982 / 017-8727721

Fax: 03-78805982

Alamat: GL 29 Block C Kelana Square 17 Jalan SS7/ 26, Taman Kelana Indah Kelana Jaya 47301, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

